

**SATU KAJIAN TERHADAP IDENTITI KORPORAT
KEDAI HADIAH “CAT’S Gift Shop”**

SURYATI BINTI MOHAMED

99164615

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS ALOR GAJAH
MELAKA

**IJAZAH SARJANA MUDA SENI LUKIS DAN SENI REKA
(SENI REKA GRAFIK)
FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA
TAHUN 2003**

Satu Kajian Terhadap Identiti Korporat Kedai Hadiah

“CAT’S Gift Shop”

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

SURYATI BINTI MOHAMED

99164615

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Grafik).

1. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
2. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
3. Diperiksa oleh Tarikh.....

Dekan

Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

SINOPSIS

Kedai hadiah merupakan sebuah pusat penjualan barang yang terdiri daripada cenderamata. Pemberian hadiah telah menjadi satu tradisi bagi masyarakat dari dahulu sehingga kini. Jadi tidak hairanlah jika diperhatikan kedai-kedai hadiah ini tumbuh bagaikan cendawan dan ia menjadi pusat penumpuan yang menawarkan pelbagai pilihan cenderamata dan hadiah yang menarik mengikut citarasa masakini. Selain daripada itu, penggunaan senireka pada identiti korporat sesebuah kedai hadiah juga penting untuk mempromosi dan mengkomersilkan barang atau produk yang bermutu.

Melalui pemerhatian yang telah dibuat secara rawak, penulis mendapati bahawa penggunaan identiti korporat pada sesebuah kedai hadiah di sekitar Bandar Melaka ini tidak menitikberatkan dan tidak mencerminkan imej sesebuah syarikat. Jadi di sini penulis membuat kajian ini untuk mengkaji penggunaan elemen-elemen grafik yang hendak diaplikasikan ke atas rekaan identiti korporat pada kedai hadiah seperti imej, taipografi, warna dan juga warna. Selain untuk mengkaji mesej atau maksud yang tersirat, kajian ini dibuat sebagai salah satu panduan dan rujukan kepada pengkaji-pengkaji di masa akan datang supaya lebih peka terhadap kepentingan serta keperluan identiti korporat. Kajian ini juga dibuat untuk memahami dan mengetahui

dengan lebih mendalam lagi mengenai pengaruh serta kepentingan sesuatu identiti korporat kepada sesebuah perniagaan serta reaksi masyarakat di sekitarnya. Kaedah yang digunakan bagi mendapatkan maklumat di dalam tesis ini adalah melalui kaedah pengumpulan maklumat dari internet, dan juga buku rujukan dari perpustakaan. Temubual yang dibuat secara rawak di beberapa buah kedai hadiah turut dijalankan bagi mendapatkan beberapa reaksi dan maklumat. Melalui kajian dan kaedah yang telah dijalankan, kita dapat mengenalpasti sesuatu kelebihan dan kelemahannya justeru itu meningkatkan lagi mutu serta kualiti elemen grafik. Kesimpulan yang dapat dibuat di sini menyatakan bahawa identiti korporat memainkan peranan yang sangat penting dalam menonjolkan identiti sesebuah syarikat di mana penggunaan elemen grafik yang digunakan perlu bersesuaian dan bermutu agar rekaan yang dihasilkan dapat difahami dan dihayati melalui penggunaan serta mesej yang disampaikan. Oleh yang demikian kajian ini dibuat untuk meneliti dan menyelidiki ciri-ciri identiti korporat ke atas syarikat perniagaan kedai hadiah.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN PEMERIKSA	i
	PENGHARGAAN	ii
	SINOPSIS	iv
	ISI KANDUNGAN	vii-x
	SENARAI GAMBAR	xi-xii

BAB 1

1.0	PENGENALAN	1
1.1	MATLAMAT KAJIAN	1
1.2	KAEDAH	2
1.3	HIPOTESIS	2
1.4	RUMUSAN	3

BAB 2

2.0	TAKRIFAN KEDAI HADIAH	4
-----	-----------------------	---